

Najib enggan ulas isu gambar palsu

MM: 8/7/2007

MUAR 7 Julai – Datuk Seri Najib Tun Razak enggan mengulas panjang tindakan Ketua Penerangan Parti Keadilan Rakyat (PKR), Tian Chua, mencipta gambar palsu beliau bersama seorang wanita yang dikatakan model

Mongolia, Altantuya Shaariibuu dan disiarkan dalam laman blog.

“Biarlah orang lain bergaduh dulu,” kata Timbalan Perdana Menteri ringkas apabila diminta mengulas mengenai tindakan anggota pembangkang itu, di sini hari ini.

Sebelum itu beliau yang juga Penasihat Kehormat Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (Pekida) merasmikan Karnival Ukhuwah Majlis Pemimpin Negara Bersama Keluarga Pekida di Tangkak di sini.

Pengunjung laman blog milik Tian Chua boleh melihat gambar Timbalan Perdana Menteri sedang duduk di meja makan diapit seorang wanita dikatakan Altantuya dan penganalisis politik, Abdul Razak Baginda.